

18 JUN 2003

Hamid - kartun

LAKARAN KARTUN DALAM HARAKAH SINGGUNG PM DAN UMAT ISLAM

PUTRAJAYA, 18 Jun (Bernama) -- Lakaran kartun mengenai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhidungkan khinzir di akhbar "Harakah" bukan sahaja telah menyinggung perasaan Perdana Menteri tetapi juga umat Islam secara keseluruhannya, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

"Sesiapapun yang siuman, berakhlak, dan bermoral serta berbudi pekerti tidak akan dapat menerima perbuatan sebegitu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "Keputusan Fatwa Kebangsaan" di sini hari ini.

Perbuatan melakarkan kartun itu menggambarkan sifat yang mengetepikan nilai-nilai kemanusiaan kerana Islam amat mementingkan hubungan antara sesama manusia.

Abdul Hamid berkata perbuatan itu tidak boleh diterima kerana individu yang diperlekehkan adalah seseorang yang terserlah personaliti diri, keislaman dan sahsiahnya.

"Ia adalah suatu penghinaan kepada seorang yang menjadi pusat penumpuan dan dihormati sebagai pemimpin Islam bukan sahaja oleh masyarakat tempatan malah di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau juga berpendapat tidak timbul soal untuk Pas meminta maaf, disebaliknya, pihak yang membuat lakaran kartun itu harus merenung diri sendiri dan menilai sama ada baik atau buruknya perbuatan yang dilakukan.

"Bukan semudah untuk memohon maaf. Ini bukan cerita politik, tetapi penghinaan terhadap peribadi seseorang," kata Abdul Hamid.

-- BERNAMA

RIZ MAI